

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2018

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah isi rumah dan individu telah dimanfaat sejak Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) diperkenalkan pada tahun 2012; dan
- (b) berapakah jumlah bajet yang dibelanjakan untuk melaksanakan program bantuan tersebut yang amat bermakna untuk rakyat .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

BR1M telah mula dilaksanakan pada tahun 2012. Bantuan ini adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah bagi membeli barang-barang keperluan

harian. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik.

Bermula dengan bantuan RM500 pada BR1M pertama (2012), nilai bantuan BR1M telah dinaikkan sehingga RM1,200 sekarang kepada keluarga berpendapatan bulanan RM3,000 dan kebawah. Selain itu, pada tahun 2013 dan 2014, Kerajaan juga telah meluaskan pemberian BR1M dengan pengenalan dua kategori baru iaitu keluarga yang berpendapatan bulanan RM3,001 hingga RM4,000 ringgit serta kepada individu yang berumur 21 tahun dan ke atas yang berpendapatan bulanan tidak melebihi RM2,000 sebulan. Dengan pengenalan kategori baru ini, BR1M dapat memanfaatkan lebih ramai penerima.

Secara keseluruhannya, dari tahun 2012 sehingga 2017, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 25.62 billion ringgit kepada penerima BR1M. Pada tahun 2018, dijangka lebih 7.2 juta penerima akan menerima manfaat BR1M dengan peruntukan sebanyak RM6.8 bilion menjadikan keseluruhan peruntukan BR1M 2012 hingga 2018 sebanyak RM32.42 billion.

Perbelanjaan Kerajaan bagi membiayai program ini mengikut tahun

adalah seperti berikut:

Tahun 2012 : RM2.09 bilion : 4.18 juta penerima

Tahun 2013 : RM2.90 bilion : 6.80 juta penerima

Tahun 2014 : RM3.64 bilion : 6.96 juta penerima

Tahun 2015 : RM5.35 bilion : 7.44 juta penerima

Tahun 2016 : RM5.36 bilion : 7.28 juta penerima

Tahun 2017 : RM6.31 bilion : 7.22 juta penerima